



Taman Tema Genting SkyWorlds Raikan Pengunjung Ke-1 Juta bagi Tahun 2025

Genting Highlands, 28 November 2025 – Taman Tema Genting SkyWorlds hari ini meraikan satu pencapaian istimewa apabila ia secara rasmi menyambut ketibaan pengunjung ke-1 juta bagi tahun 2025, sekali gus menandakan satu lagi tahun perkembangan positif serta peningkatan populariti dalam kalangan keluarga dan pengunjung dari seluruh rantau dan antarabangsa.

Pengunjung bertuah bagi pencapaian ini ialah empat beradik dari Pahang yang berkunjung untuk menikmati hari keluarga di taman tema tersebut. Zawani Zamri (28), Zuriatina Zamri (23), Adib Zamri (20) dan Adlee Zamree (15) tidak menyangka apabila mereka dibawa ke pentas utama untuk menerima sambutan meriah penuh konfeti, menjadikan detik itu satu pengalaman yang tidak diduga serta amat bermakna buat mereka sekeluarga.

Bagi meraikan pencapaian ini, mereka menerima empat Pas Tanpa Had Genting SkyWorlds bersama satu pakej sesi bergambar keluarga istimewa bagi merakam dan mengabadikan detik bersejarah tersebut.

“Kami tidak menyangka akan menjadi pengunjung ke-1 juta. Ia benar-benar di luar jangkaan dan kami amat terkejut,” kata Zawani mewakili adik-beradiknya. “Kami akan memanfaatkan pas ini sebaiknya, meneroka semua permainan hari ini dan menikmati masa bersama.”

Mengulas mengenai pencapaian tersebut, Spencer Lee, Naib Presiden Eksekutif Jualan, Pemasaran dan Perhubungan Awam Resorts World Genting, berkata, “Mencapai angka satu juta pengunjung tahun ini menzahirkan daya tarikan dan sambutan berterusan terhadap Genting SkyWorlds. Lebih bermakna apabila pencapaian ini diraikan bersama sebuah keluarga dari Pahang. Ia mengingatkan kami tentang kegembiraan dan memori indah yang terus tercipta untuk pengunjung dari pelbagai peringkat umur. Kami berharap dapat menyambut lebih ramai pengunjung menjelang Visit Malaysia 2026.”

Para pengunjung juga berpeluang memanfaatkan promosi *Last Call* bagi Pas Tanpa Had yang sedang berlangsung. Pendaftaran baharu boleh menikmati potongan 30%, dengan harga hanya RM211, bermula 18 November hingga 31 Disember 2025. Pas Tanpa Had ini menawarkan akses tanpa had selama 365 hari, termasuk sehingga tiga tempahan *Virtual Queue* percuma pada setiap lawatan. Tawaran ini sah untuk pengunjung yang belum pernah mendaftar mana-mana Pas Tanpa Had Genting SkyWorlds sebelum ini. Maklumat lanjut serta tawaran lain boleh didapati melalui laman rasmi Genting SkyWorlds di gentingskyworlds.com.

Lebih menarik, Genting SkyWorlds bakal melancarkan Studio Plaza Immersive Show pada 1 Disember 2025. Berada di altitud tertinggi di Malaysia, Studio Plaza menawarkan pengalaman imersif yang memukau melalui pemasangan interaktif, unjuran LED yang mempesonakan serta audio ruang 3D yang menghidupkan suasana. Para pengunjung dapat menikmati pertunjukan mini yang berlangsung tanpa henti di seluruh plaza, menjadikan setiap kunjungan lebih menyeronokkan dan penuh tarikan menarik.

Pencapaian pengunjung ke-1 juta ini mengukuhkan lagi kedudukan Genting SkyWorlds sebagai salah satu destinasi keluarga terkemuka di rantau ini, menawarkan pengalaman yang bermakna serta pengembaraan penuh keseronokan untuk pengunjung dari semua peringkat umur.

Untuk maklumat lanjut, layari rwgenting.com atau ikuti saluran media rasmi kami.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communication
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global,

termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.